

## KEARIFAN TEMPATAN DALAM ADAT KEMATIAN MASYARAKAT MELAYU DARI PERSPEKTIF URUF

### LOCAL WISDOM IN DEATH CUSTOMS AMONG MALAY COMMUNITY FROM THE 'URF PERSPECTIVE

Muhammad Yusri bin Yusof @ Salleh<sup>i</sup> & Mohd Anuar Ramli<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> (*Corresponding author*). Pelajar Pasca Siswazah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya/Pensyarah kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Kampus Seri Iskandar, Perak. Emel: yusri613@uitm.edu.my

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan (PhD), Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Emel: mohdanuar@um.edu.my

Article Progress

Received:

Revised:

Accepted:

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p><i>Setiap masyarakat punya adat dan tradisi. Adat dan tradisi dibentuk oleh golongan cerdik pandai dalam masyarakat. Adat dan tradisi pada dasarnya ialah sesuatu kebiasaan yang dipraktikkan secara meluas dalam masyarakat. Ia menjadi pedoman dan rujukan dalam kehidupan sehari-hari masyarakat lingkungan. Dalam amalan adat dan tradisi, terkandung unsur kearifan tempatan hasil corak pemikiran yang dicerakinkan daripada gabungan pengetahuan dan pengamalan generasi terdahulu. Kearifan tempatan adalah serangkaian maklumat, petunjuk, dan kebijaksanaan yang diwariskan daripada generasi ke generasi sebagai satu strategi kehidupan yang melambangkan kemajuan pemikiran dan pengetahuan dalam masyarakat. Dalam disiplin Usul fiqh, perbincangan berkaitan adat dan tradisi adalah termasuk dalam perbincangan uruf. Uruf adalah sekumpulan adat dan tradisi yang dipraktikkan, diketahui dan diiktiraf oleh syara'. Kearifan tempatan adalah</i></p>	<p><i>Every community has its custom and tradition. They are formed by intellectuals of the society. Customs and traditions are basically, a habit that is widely practiced within a society. It becomes a guide and reference in the daily life of the community. In the practice of custom and tradition, the elements of local wisdom are derived from a pattern of thinking from a combination of knowledge and the practices of previous generation. Local wisdom can be referred as a series of information, guidance, and wisdom passed down from generation to generation as a life strategy that represents the advancement of thought and knowledge in a society. In theory of Uṣūl al-Fiqh, the discussion of customs and traditions is included in the discussion of 'urf. 'Urf is a collection of customs and traditions practiced, recognized and acknowledged by Syara'. Local wisdom is a product of intellectual property as a result of a combination of customary practices, traditions and guidance from revelation. This combination results in local wisdom which</i></p>

produk keintelektualan hasil daripada gabungan amalan adat, tradisi dan panduan daripada wahyu. Gabungan ini menghasilkan kearifan tempatan yang mencorakkan uruf sahih dan uruf fasid. Uruf sahih adalah uruf yang diterima, manakala uruf fasid adalah uruf yang ditolak daripada Islam. Sehubungan dengan itu, kajian ini memfokuskan kedudukan kearifan tempatan daripada perspektif uruf dan syarat-syarat pengambilkiraan kearifan tempatan dalam uruf yang diterima oleh syara'. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini mengaplikasi kajian kepustakaan sepenuhnya dengan merujuk kepada literatur berkaitan kearifan tempatan dan uruf. Data kualitatif yang dikumpulkan telah dianalisis kandungannya secara deduktif bagi merumuskan kedudukan kearifan tempatan daripada perspektif uruf. Hasil dapatan kajian ialah menunjukkan kearifan tempatan yang berdasarkan uruf sahih diterima dan sebaliknya, kearifan tempatan yang berdasarkan uruf fasid adalah tidak diterima dalam penetapan hukum Islam.

**Kata kunci:** Kearifan tempatan, pengetahuan tasit, pengetahuan tempatan, adat, hukum Islam, adat kematian

defines 'urf sāhih and 'urf fāsid. 'Urf sāhih refers to acceptable 'urf, meanwhile, 'urf fāsid refers to 'urf rejected by Islam. In this regard, this study focuses on local wisdom from the perspective of 'urf and the conditions which make the local wisdom accepted by Syara'. In order to achieve the objective, this study applies a method of library research with reference to writings related to local wisdom and 'urf. The collected qualitative data were analysed deductively to define the status of local wisdom based on the perspective of 'urf. The findings of the study defined the status of local wisdom based on 'urf sāhih, either to accept or reject, and local wisdom based on 'urf fāsid are rejected in determining the Islamic law.

**Keyword:** Local wisdom, tacit knowledge, local knowledge, Islamic law, death custom

## PENDAHULUAN

Pembentukan adat dalam tiap masyarakat telah dicorak oleh golongan cerdik pandainya. Mereka mempunyai peranan yang signifikan dalam mencanai sesuatu amalan hingga menjadi kebiasaan bersama. Kebiasaan ini apabila dilakukan secara berulang-ulang akhirnya akan membentuk adat dan diterima dalam masyarakat. Setiap masyarakat mempunyai adat yang diwarisi daripada satu generasi ke satu generasi yang berbeza antara satu kelompok masyarakat dengan satu kelompok yang lain (Muhammad Khairul Hafiz et al., 2019). Unsur kelainan yang terdapat pada adat akan memperlihatkan perbezaan identiti sesebuah masyarakat. Identiti sesebuah masyarakat dipengaruhi oleh nilai-nilai setempat yang berasaskan kepada kedudukan

geografi, jenis iklim dan suasana persekitaran masyarakat. Pembinaan nilai-nilai tempatan pada dasarnya akan berasaskan kepada situasi dan keupayaan masyarakat berinteraksi dengan pelbagai sumber. Interaksi ini menyebabkan penerimaan atau penolakan terhadap sesuatu unsur luar dalam adat tempatan (Siti Fatimah & Siti Khadijah, 2017: 101). Biasanya golongan cerdik pandai tempatan berjaya mengadunca antara unsur agama dan adat bagi membentuk individu sebagai ahli masyarakat yang memahami corak fikir, keperluan dan kehendak masyarakat (Wan Norhasniah, 2011: 132).

Dalam proses pembentukan adat yang dipelopori oleh golongan cerdik pandai dalam masyarakat, lazimnya adalah berasaskan kepada keilmuan dan pengetahuan yang tersedia dalam masyarakat. Ilmu ini biasanya berasaskan antara adunan panduan agama, ilmu golongan cerdik pandai dan pengalaman masyarakat dalam menangani setiap permasalahan setempat yang timbul dalam kehidupan (Muhammad Ammar Harith et al., 2019). Ia dikenali dengan pengetahuan tempatan (*local knowledge*), pengetahuan tradisional (*traditional knowledge*) dan pengetahuan ekologi tempatan (*local ecological knowledge*). Ilmu ini diwarisi dan dipelajari dalam masyarakat sama ada dalam bentuk tradisi lisan dan bertulis. Contoh kepada pengetahuan tempatan secara tradisi lisan adalah seperti nasihat, pantun, cerita, petua, undang-undang adat yang tidak tertulis, pantang larang, amalan, jampi, mantera dan ritual. Bagi pengetahuan tempatan yang bertulis pula ialah seperti hikayat-hikayat, kod undang-undang, kitab-kitab lama petua dan amalan tradisional seperti kitab tib, perdukunan dan mujarobat.

Pengetahuan tempatan yang tersedia ini, dikuasai oleh cerdik pandai setempat. Dalam penulisan sarjana barat, adakahnya penisahan dibuat terhadap golongan cerdik pandai tempatan ini dengan istilah kepandaian tempatan (*local genius*). Sebilangan sarjana juga berpandangan bahawa istilah kepandaian tempatan ini adalah ilmu yang diperlakukan oleh sebilangan kecil yang khusus dikaitkan dengan ilmu dan pengetahuan yang berkaitan mistik dan pemujaan kepada golongan makhluk halus seperti jin yang akhirnya melahirkan ilmu perbomohan dan perdukunan dengan penawaran instrumen berbentuk mistik dan paranormal umpama sihir, santau, saka dan ilmu pengasih.

Terdapat juga pengkaji yang menisahkan istilah pengetahuan tempatan kepada hasil daripada amalan kepada ilmu yang tersedia dalam masyarakat dan kebaikannya dapat dilihat secara tersurat dan memberi faedah kepada masyarakat. Selain itu, pengetahuan tempatan ini juga berkembang kepada tingkatan yang tertinggi, iaitu ilmu yang tersirat atau bersifat tasit (*tacit*). Ia juga dinamakan sebagai hikmah, yang menjadi kemuncak kepada pengetahuan golongan cerdik pandai dalam masyarakat. Ada ketikanya, melihat konteks dan suasana, perlunya ilmu yang berbentuk hikmah atau kebijaksanaan dalam menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam

masyarakat. Faedah atau manfaat kepada masyarakat tidak diketahui secara langsung dan perlu kepada pengamatan kritis masyarakat. Fungsinya juga berbeza berdasarkan tujuan pengamalan amalan tersebut. Ia biasanya dikaitkan dengan kebijaksanaan cerdik pandai yang memahami situasi dan keperluan masyarakat setempat. Atas kerana itu, ilmu ini dinamakan sebagai kearifan tempatan (*local wisdom*).

Justeru dalam kajian ini, konsep kearifan tempatan akan dibincangkan dan dinilai dari perspektif uruf sama ada ia dapat dikategorikan sebagai suatu uruf yang sahih ataupun fasid. Kemudiannya ia diaplikasikan dalam menilai beberapa amalan orang Islam di Malaysia khususnya melibatkan adat kematian seperti mandi jenazah, tahlil, jaga kubur, ziarah kubur dan solat jenazah.

## KONSEP ASAS KEARIFAN TEMPATAN

Perkataan '*arif*' berasal daripada kata akar bahasa Arab, dan '*wisdom*' dari kata akar bahasa Inggeris membawa maksud mengetahui sesuatu dengan mendalam sehingga mencapai tahap bijaksana dan penuh hikmah (Kamus Dewan, 2005). Manakala perkataan tempatan bermakna yang berkaitan dengan tempat tertentu, di tempat itu sendiri (Kamus Dewan, 2005). Kearifan tempatan ditakrifkan sebagai gagasan-gagasan masyarakat setempat mengikut lokaliti berbeza yang bersifat bijaksana, mempunyai nilai baik, boleh diterima akal yang sihat dan diikuti secara umum oleh anggota masyarakatnya. Ia suatu hasil daripada penaakulan mendalam manusia akan lingkungan persekitaran setempat (Syamsul Azizul et al., 2019). Ia juga dihuraikan sebagai satu set pengetahuan dan amalan yang explisit (tersirat) hasil akal budi (kognitif) golongan cerdik pandai tempatan dalam menyelesaikan masalah dan memenuhi keperluan masyarakat tempatan. Hikmah yang terselindung di sebalik amalan ini perlukan pengamatan untuk memahami sesuatu amalan dan tidak terlihat dengan pandangan mata kasar (Miranita, 2017: 17). Keperluan masyarakat yang pelbagai menyebabkan cerdik pandai menggunakan unsur hikmah dan kebijaksanaan dalam penerapan ilmu dalam masyarakat (Habib Shulton & Prasetiawati, 2018: 231). Kearifan tempatan ini merangkumi ilmu yang bersifat implisit yang dapat dilihat dengan mata kasar faedahnya dan juga mengandungi ilmu tasit yang bersifat pengalaman yang tidak boleh didapati kecuali dengan daya pemikiran yang terdapat pada cerdik pandai tempatan. Ia juga dikenali sebagai hikmah yang terdapat dalam kalangan cerdik pandai hasil pembudayaan ilmu yang tinggi.

Asasnya kearifan tempatan berkait rapat dengan uruf dan adat. Ini kerana ia sebahagian daripada unsur yang membentuk adat dan uruf masyarakat khususnya dalam elemen yang tersirat dan tasit. Perkataan uruf berasal daripada perkataan '*arafa*' dalam bahasa arab yang secara literalnya

membawa maksud mengetahui (Mohd Anuar, 2006: 12). Ia juga berkait rapat dengan makna sesuatu yang diterima oleh masyarakat dan berakar umbi (al-Zuhaili, 1998: 486; Muhammad Fuad, 1994:582-583). Ia juga daripada sudut bahasa membawa erti sesuatu yang menjadi kebiasaan dan diterima akal fikiran secara rasional dan juga diterima perbuatannya daripada sudut amalan akhlak dan tabiat yang murni (Muhammad Imarah, 1996: 11-12). Hazizan Mat Desa (2016: 12) menyatakan terminologi uruf ini mengandungi empat makna, sesuatu yang diketahui (*irfan*), kebiasaan, diketahui umum dan boleh diterima akal yang waras. Daripada sudut istilah pula, uruf ditakrifkan sebagai perbuatan atau kepercayaan dalam masyarakat yang dipegang teguh dengan kekuatan mental dan secara semula jadi dan masyarakat lingkungan menerimanya secara benar (al-Jurjani, 1405H: 193). Abu Zahrah (1958: 216) mentakrifkan uruf sebagai satu kebiasaan orang ramai dalam transaksi (*muamalat*) dan mereka bersikap konsisten mempraktikkan dan mengamalkan kebiasaan tersebut dalam urusan seharian mereka. Dalam kesimpulan yang dibuat oleh Mohd Anuar (2011: 45) menyatakan bahawa terminologi uruf mempunyai persamaan makna dengan istilah adat dalam bahasa Melayu.

Perkataan adat dalam bahasa Melayu berasal daripada bahasa Arab iaitu '*al-awd'* yang membawa maksud berulang-ulang. Adat ialah sesuatu yang dipraktikkan secara harian yang merangkumi pelbagai bentuk seperti perkataan, perbuatan dan meninggalkan sesuatu. Ia merangkumi keseluruhan cara hidup seperti cara berinteraksi antara masyarakat, bentuk pemikiran, cara melakukan sesuatu dan bagaimana berinteraksi dengan alam sekitar. Adat adalah sesuatu yang menjadi dasar dalam sesebuah masyarakat, ia juga ditakrifkan sebagai sesuatu yang menjadi kebiasaan dalam masyarakat (Wekke, 2013: 31). Dalam bahasa Inggeris, '*custom*' sinonim dengan perkataan '*tradition*' yang memberi makna cara tradisi yang diterima umum pada sesebuah masyarakat. Adat mempunyai fungsi yang penting dalam masyarakat, sebarang perlanggaran adat (peraturan) dianggap sebagai perlanggaran dalam aturan kehidupan (Mattulada, 1975: 65).

Hubungan antara uruf dengan adat dapat disimpulkan dengan tiga pandangan berbeza dalam kalangan ulama (Mohd Anuar, 2011: 268). Pertama, mengikut pandangan al-Nasafi dan Ibn Abidin, uruf adalah sinonim dengan adat. Ini bererti terminologi uruf adalah sama maknanya dengan adat. Kedua, al-Suyuti berpandangan bahawa adat lebih umum daripada uruf. Uruf adalah berlaku pada seseorang manakala adat berlaku dan dipraktikkan oleh semua orang dalam masyarakat. Ketiga, Ibn Humam dan al-Bazdawi pula berpandangan bahawa uruf lebih umum daripada adat. Uruf adalah kebiasaan yang dipraktikkan dalam masyarakat khusus berkaitan dengan perkataan dan perbuatan, manakala adat pula ialah kebiasaan yang dipraktikkan dalam masyarakat yang berkait rapat dengan sikap dan tingkah laku. Melihat pada perbincangan makna dan teori uruf dan adat, pengkaji juga cenderung kepada

pemberian makna sinonim. Justeru, kajian ini akan menggunakan terminologi uruf dan adat bersilih ganti dengan makna yang sama dalam perbincangan.

## DINAMIKA INTERAKSI ANTARA SYARIAH DAN ADAT TEMPATAN

Fatimah Salleh (2017) menyatakan bahawa setiap masyarakat mempunyai adat yang khusus terkait dengan kedudukan geografi, lingkungan alam dan corak interaksi. Setiap adat masyarakat berciri khusus dan sangat unik. Ia adalah manifestasi orang Melayu hasil daripada corak pemikiran dan amalan tradisi (Wan Norhasniah Wan Hussain, 2011: 132).

Secara umumnya, kedatangan Islam ke Alam Melayu telah merubah wajah fizikal dan jiwa orang Melayu dalam pelbagai dimensi kehidupan (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1990). Menurut Syed Mohamad Naquib al-Attas (1969), proses interaksi antara Syariah dengan adat setempat melalui tiga fasa utama hingga akhirnya Syariah Islam lebih dominan. Walaupun begitu, perbincangan para sarjana berkaitan dengan Islam dan adat tempatan menarik untuk ditelusuri. Penerimaan Islam dan penyerapan dalam adat tempatan menimbulkan beberapa teori secara khusus; pertama, teori *receptie* yang diperkenalkan oleh Snouck Hurgronje yang khusus dalam undang-undang adat yang menyatakan bahawa undang-undang yang digunakan dalam masyarakat akan mengambil kira hukum adat dan undang-undang Islam akan diterima jika ia diterima oleh masyarakat sebagai hukum adat. Mengikut teori ini, Islam hanya terpakai pada undang-undang tertentu sahaja dan adat didahului berbanding undang-undang Islam (Rahmat & Ahmad, 2016: 17).

Kedua, sebagai kontra kepada pandangan yang menerima teori *receptie*, teori *receptio a contrario* dikemukakan oleh sarjana nusantara dengan menyatakan bahawa bagi seorang muslim, undang-undang yang terpakai adalah undang-undang Islam, undang-undang adat akan diiktiraf selama mana ia tidak bercanggah dengan undang-undang Islam (Abd. Rahman, 2016: 11). Ini adalah didasari dengan prinsip bahawa hukum Islam adalah berdasarkan bimbingan wahyu yang membawa maksud jalan yang lurus menurut garis panduan daripada Allah SWT (Anwar, 2007: 8). Ketiga, teori selektif iaitu bagaimana cerdik pandai tempatan bersifat selektif dalam menerapkan unsur Islam dalam adat masyarakat nusantara. Dalam teori ini, nilai setempat yang tidak bercanggah dengan Islam dikekalkan manakala nilai tempatan yang mempunyai percanggahan dengan ajaran Islam akan diubah selari dengan panduan Syarak. Dengan ini lahirlah Islam yang bersifat lokal dengan mengambil kira nilai tempatan di samping tidak berpaksikan kepada corak hidup masyarakat Arab (Guyanti, 2018: 54).

Dalam perbincangan berkaitan interaksi Syariah Islam dengan adat masyarakat tempatan, cerdik pandai tempatan dilihat bersifat selektif terhadap adat tempatan. Adat yang tidak bercanggah dengan Islam dikekalkan sebagai

elemen khusus tempatan. Manakala adat yang bertentangan dengan Islam diberi nafas baharu, dan diubah selari dengan prinsip-prinsip Islam. Penerapan adat ini berlaku secara spontan atau dengan menggunakan kuasa raja-raja pada ketika itu (Ismail, 1985: 26). Pada masa awal penerapan unsur Islam dalam adat tempatan, terdapat juga pertentangan antara golongan cerdik pandai (ulama dan pemuka adat), namun ia diselesaikan dengan cara yang penuh hikmah dan tolak ansur (Wekke, 2013: 31-32).

Clifford Geertz (1973: 86) ketika mencirikan elemen agama berpandangan bahawa agama bukan terhad kepada ciri spiritual semata-mata, bahkan ia merangkumi kognitif juga. Dengan itu agama menurut Geertz dibahagikan kepada dua elemen; pertama, pola yang dikhuluskan bagi tindakan manusia atau ia menjadi pedoman buat manusia (*pattern for behaviour*). Jika dalam perbincangan hukum Islam ia merupakan suruhan dan larangan daripada Allah SWT yang bersifat tetap dan tidak berubah pada teori dan mungkin berubah pada praktikal. Kedua, pola daripada tindakan manusia (*pattern of behaviour*). Pola kedua ini terkandung nilai pemikiran dan kognitif yang menghasilkan adat dan tradisi masyarakat. Pola kedua ini dalam proses penetapan hukum Islam merangkumi pola ijihad yang didasari dengan aspek-aspek setempat (Nursham, 1992: 48).

Dalam perbincangan Usul Fiqh, hanya uruf sahih sahaja diterima sebagai salah satu daripada sumber hukum Islam yang tidak disepakati dalam kalangan ulama. Walaupun begitu, penerimaan uruf turut menjadi polemik dalam kalangan cerdik pandai nusantara. Jika ditinjau daripada perspektif sejarah, mereka terbahagi kepada dua kelompok. Kelompok pertama ialah kelompok yang tidak menerima kehujahan uruf dan adat tempatan. Golongan ini berpandangan Islam mestilah dipraktikkan dengan cara yang diajari oleh al-Quran dan al-Sunnah sahaja, tanpa menerima elemen adat dan tradisi tempatan. Malah mereka memberi pelabelan negatif bagi amalan yang bernuansakan adat dan tradisi. Ia dianggap sebagai bidaah (Muammar, 2019: 83; Simuh, 1996: 110). Ada juga yang meletakkan amalan uruf dan adat tempatan pada taraf ‘khilaf’ sunnah atau perkara yang tidak dilakukan oleh Nabi SAW (Wage, 2016: 348). Golongan cerdik pandai ini dalam sejarah disebut sebagai golongan Kaum Muda di Malaysia dan Indonesia, juga dikenali dengan golongan Paderi dalam sejarah Minangkabau, Muhammadiyyah yang terkenal bermula di Sumatera, wahabi dan salafi dalam peristilahan semasa (Marzuki, 2017: 6). Golongan kedua pula ialah golongan yang menerima unsur-unsur adat yang positif dalam masyarakat Islam. Golongan ini mengambil jalan hikmah dan damai dengan mengubah unsur-unsur adat yang bertentangan dalam masyarakat kepada unsur-unsur yang dilihat patuh Syariah (Mohd Natsir, 1988: 46; Anwar, 2007: 8). Golongan ini menerima uruf tempatan yang sahih sebagai sumber pengambilan hukum Islam (Hazizan,

2016: 4). Golongan ini dikenali juga sebagai Kaum Tua, tradisionalis, golongan pondok dan Nahdatul Ulama' (Roibin, 2010: 9).

## PARAMETER PENERIMAAN URUF

Walaupun berlaku penerimaan dan penolakan terhadap uruf dalam kalangan cerdik pandai, namun terdapat parameter yang khusus dalam penerimaannya. Dari sudut sejarah perundangan Islam, dapat dilihat dengan jelas golongan al-Hanafiyyah dan al-Malikiyyah yang meluaskan penggunaan uruf dalam penentuan hukum (Ismail Mat, 1985: 292). Menurut al-Zuhaili (1998), penerimaan uruf adalah berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan, antara ialah:

1. Uruf mestilah tidak bertentangan dengan nas syara', jika secara jelas amalan yang berasaskan uruf menyalahi nas syara', uruf tersebut dianggap sebagai uruf fasid. Antara bentuk uruf fasid dalam masyarakat Melayu adalah ritual-ritual dan mantera yang bertentangan dengan Syariah, amalan-amalan yang berbentuk riba, dan unsur pemujaan dalam tarian-tarian tradisional.
2. Uruf yang diambil kira dalam penentuan hukum Islam ialah uruf yang diamalkan secara meluas dalam kalangan masyarakat. Fuqaha' Hanafiyyah mensyaratkan jika uruf khas, mestilah uruf tersebut berlaku pada sesebuah negara Islam sahaja. Dalam konteks ini, uruf tersebut mestilah diamalkan secara meluas dalam sesebuah masyarakat, kalau ada yang tidak beramal, hanyalah sebilangan kecil dalam masyarakat. Antara contoh uruf yang diamalkan secara meluas dalam kalangan masyarakat Melayu adalah seperti kenduri dan tahlil kematian, harta sepencarian dan jual beli barang najis untuk dijadikan baya.
3. Uruf dan adat yang dirujuk telah wujud sebelum tindakan. Dalam erti kata lain, uruf telah pun lama wujud dan menjadi amalan masyarakat setempat. Antara contoh uruf yang menjadi amalan masyarakat setempat ialah cuti umum adalah pada hari jumaat bagi memudahkan perlaksanaan solat Jumaat dan ibadah-ibadah lain. Selain daripada itu, pemberian bahagian Harta Sepencarian juga antara yang menjadi amalan dan uruf dalam masyarakat Islam yang telah berlaku sekian lama.
4. Tidak wujud sesuatu perkataan dan perbuatan yang jelas menyalahi uruf. Dalam konteks muamalat umpamanya apabila terdapat perjanjian khusus di antara dua pihak yang berlawanan dengan uruf yang bersifat praktikal pada sesuatu tempat, pada ketika ini uruf tersebut tidak lagi terpakai walaupun ia dipraktikkan oleh masyarakat dan tidak bertentangan dengan Syariah.

5. Uruf yang ambil kira dalam konteks hukum Islam ialah bersifat ‘mulzaman’ iaitu mengikat masyarakat dan wajib beramal dengannya dalam praktikal sehari-hari. Ini antara syarat khusus yang terdapat dalam fiqh Hanafi dan Maliki. Antara contoh sesuatu yang menjadi uruf dalam masyarakat dan mengikat pada pandangan manusia ialah kedudukan tulisan yang menyamai pengakuan dan percakapan. Bukti bertulis sama ada secara rasmi seperti perjanjian jual beli atau penulisan tidak rasmi seperti surat dan khidmat pesanan ringkas telah memenuhi konteks ‘mulzaman’ dan diambil kira dalam konteks uruf setelah dikenal pasti kesahihannya.

## KRITERIA PENERIMAAN KEARIFAN TEMPATAN SEBAGAI URUF SAHIH

Kearifan tempatan adalah sebahagian daripada unsur uruf yang terdapat dalam masyarakat. Uruf adalah amalan yang menjadi kebiasaan dalam masyarakat sehari-hari manakala kearifan tempatan adalah satu set ilmu yang melambangkan kecerdikan masyarakat dalam mempraktikkan sesuatu amalan yang akhirnya berkembang menjadi uruf. Terdapat falsafah tersirat dalam amalan yang bersifat kearifan tempatan. Kearifan tempatan terhasil daripada interaksi manusia dengan alam sekeliling bagi memenuhi keperluan dan dicerakinkan menjadi amalan masyarakat yang berasaskan pemikiran mendalam, penggunaan akal budi yang tepat dan mempunyai unsur hikmah dan kebijaksanaan setempat dalam perlaksanaannya.

Dalam sejarah perkembangan Islam di Nusantara, Islam disebarluaskan melalui unsur hikmah dan kebijaksanaan para pendakwah dengan mengadunkan prinsip Islam dalam adat dan tradisi tempatan (Zainal Abidin, 2009: 302). Ini dapat dilihat daripada kesimpulan yang dibuat oleh Azra Azyumardi tentang Islamisasi di Alam Melayu (1999: 42):

*‘Karakteristik terpenting penyebaran Islam di Asia Tenggara itu, wataknya lebih damai, ramah dan toleran’.*

Para cerdik pandai membangunkan Islam di Nusantara menggunakan prinsip kearifan tempatan dalam memperkenalkan Islam dengan tidak membawa masuk uruf dari Arab semata-mata, bahkan bersifat selektif dalam menerima amalan yang tidak bertentangan dengan Islam. Uruf tempatan yang tidak bertentangan dengan Islam, diterima dan diiktiraf sebagai uruf sahih. Manakala amalan setempat yang bercanggah dengan Islam, dimodifikasi amalan dan dimasukkan unsur-unsur Islam bagi memastikan amalan tersebut tidak bercanggah dengan Syariah. Kecerdikan memasukkan unsur-unsur Islam dan mengadunkan dengan uruf tempatan, memperlihatkan indahnya Islam dalam menangani persoalan setempat (Muhammad Khairul Hafiz et al., 2019). Dalam sejarah penyebaran Islam di Nusantara, terdapat pelbagai contoh

penyebaran Islam melalui praktis setempat; antaranya ialah bagaimana wali songo di Indonesia menyebarkan dakwah melalui hiburan yang menjadi kegemaran masyarakat pada ketika itu iaitu wayang kulit (Syamsul Azizul & Mohd Anuar, 2017). Idris Zakaria (2012: 96) menukilkan kesimpulan yang dibuat oleh Thomas Arnold:

*'Lebih lunak dan jinak, bahkan sangat akomodatif, vis a vis kepercayaan, praktik keagamaan dan tradisi lokal.'*

Secara kesimpulannya, kearifan tempatan adalah bentuk kebijaksanaan dan hikmah yang dirumuskan oleh golongan cerdik pandai dalam menangani permasalahan dalam masyarakat setempat. Hikmah adalah tingkat tertinggi dalam klasifikasi ilmu. Hikmah tidak boleh dicapai kecuali adanya kepandaian, pengamatan dan pengalaman terhadap sesuatu perkara. Kearifan tempatan adalah sebahagian daripada uruf yang menjadi kebiasaan dalam kalangan masyarakat. Justeru, penerimaan unsur kearifan tempatan dalam uruf mestilah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh para cerdik pandai dalam proses penerimaan uruf sebagai sumber hukum. Unsur-unsur kearifan tempatan juga perlu penuhi Dua kriteria sebelum ia boleh diterima menjadi sebahagian daripada uruf sahih; pertama, ia bersifat logik, rasional dan boleh diterima akal. Jika ia melibatkan campur tangan makhluk halus seperti jin, ia tidak dikenali sebagai kearifan tempatan, tetapi sebagai salah satu unsur kepandaian tempatan yang berkait dengan unsur-unsur bantuan daripada makhluk halus (*local genius*). Kedua, unsur kearifan tempatan tidak bercanggah dengan mana-mana nas syarak. Jika ia bertentangan dengan nas syarak, ia termasuk dalam kategori uruf fasid yang bertentangan dengan Islam (Syamsul Azizul et al., 2019: 65).

## **KEARIFAN TEMPATAN KATEGORI SAHIH DALAM KALANGAN MASYARAKAT MELAYU**

Adat orang Melayu sarat dengan unsur kearifan tempatan yang boleh diterima sebagai uruf sahih. Di antaranya adalah dalam pengurusan jenazah. Ini dapat dilihat dalam penggunaan santan ketika proses memandikan jenazah bagi tujuan melembutkan jenazah dan mengembalikan kesegaran anggota jenazah, upacara tahlil sebagai sokongan moral, psikologi dan ikatan sosial masyarakat kepada mereka yang kehilangan ahli keluarga, penjagaan kubur bagi tujuan mengelakkan daripada kain kafan dicuri dan jenazah digunakan untuk tujuan ilmu hitam. Kesemua elemen tradisi yang mengandungi unsur kearifan tempatan ini punya tujuan tersirat dan tersurat hasil daripada garapan pemikiran cerdik pandai juga ulama dalam menyelesaikan isu-isu berbangkit dalam kehidupan masyarakat sehari-hari.

### **1. Penggunaan Santan Dalam Mandi Jenazah.**

Penggunaan santan dalam proses pengurusan jenazah pada satu situasi dilihat bercanggah dengan apa yang menjadi kebiasaan. Berdasarkan kepada hadis, pengurus jenazah disunatkan memandikan jenazah dengan air campuran kapur barus dan daun bidara. Fungsi asas santan adalah dalam masakan orang Melayu adalah untuk melembutkan daging dan menyediakan rasa bagi masakan. Penggunaan santan dalam pengurusan jenazah pada asasnya bagi melembutkan sendi-sendi jenazah dan mengembangkan kotoran pada badan jenazah dan mengembalikan kesegaran tubuh pada jenazah (Syamsul Azizul et al., 2019: 57). Dalam praktik pengurusan jenazah, biasanya penggunaan santan dalam proses memandikan jenazah dilaksanakan oleh orang Islam yang berada di kepulauan kerana sukar untuk mendapatkan daun bidara dan kapur barus. Tumbuhan asas dan banyak di sesebuah pulau dan pinggiran pantai adalah kelapa. Justeru, mereka meminjam fungsi tersurat penggunaan santan pagi melembutkan masakan kepada penggunaan tersirat santan bagi melembutkan, mengembangkan kotoran dan mengembalikan kesegaran jenazah supaya jenazah tersebut kelihatan bersih dan sempurna pengurusannya (Syamsul Azizul et al., 2019).

## **2. Bacaan Tahlil Sebagai Sokongan Moral, Psikologi Dan Sosial.**

Tahlil dan kenduri arwah adalah perkara yang menjadi pertikaian dalam kalangan cerdik pandai tempatan. Tahlil dan kenduri arwah pada pandangan golongan fundamentalis adalah perkara bidaah yang bercanggah dengan praktis sunnah Nabi SAW. Manakala golongan tradisionalis pula beranggapan bahawa tahlil dan kenduri arwah adalah sesuatu yang diamalkan berdasarkan kepada dalil-dalil yang umum daripada al-Quran dan al-Sunnah. Secara tersuratnya, zikir-zikir yang dibaca ketika upacara tahlil adalah berasal daripada al-Quran dan al-Sunnah. Rangkaian zikir-zikir tahlil dan istighfar dibaca adalah bertujuan khusus memohon keampunan pada seluruh kaum muslimin khususnya kepada si mati. Secara tersiratnya, bacaan tahlil dan kenduri arwah ini dilaksanakan bertujuan memberi sokongan moral, psikologi dan sosial dalam membantu keluarga si mati menguruskan emosi kehilangan insan yang tersayang. Adanya elemen ziarah dan kebersamaan dalam proses tahlil dan kenduri arwah dapat meredakan kesedihan keluarga si mati di samping dapat menguatkan semangat bersama. Perbelanjaan kenduri arwah juga biasanya digunakan daripada tabungan kolektif masyarakat yang dinamakan sebagai ‘duit kepala mayat’ iaitu hasil sedekah dan hadiah orang ramai ketika menziarahi jenazah. Dalam masyarakat Melayu, terkenal konsep ‘tumpang kenduri’ iaitu pemberian wang tunai bagi meringankan beban melaksanakan sesuatu kenduri. Konsep ‘tumpang kenduri’ dan ‘duit kepala mayat’ ini adalah bentuk sokongan material terhadap keluarga si mati (Mohammad Nidzam, 2016: 107).

### **3. Jaga Kubur Untuk Halang Pencurian Kain Kafan dan Jasad Mayat.**

Konsep jaga kubur juga masih menjadi amalan masyarakat Melayu di utara semenanjung dan di pantai timur. Konsep ini juga menjadi pertikaian dalam kalangan cerdik pandai tempatan di mana golongan fundamentalis menganggap bahawa perbuatan menunggu kubur sambil membaca ayat-ayat al-Quran adalah perbuatan bidaah dan bertentangan dengan Sunnah Nabi SAW. Namun golongan tradisionalis berpandangan konsep dan amalan menjaga kubur tidak bertentangan dengan nas dan menjadi antara perkara yang baik untuk diteruskan dalam masyarakat. Masyarakat Melayu dahulu biasanya menyimpan wang semasa hidup dan mewasiatkan agar pembacaan al-Quran dan tunggu kubur dilaksanakan ketika kematiannya. Secara tersuratnya, konsep dan amalan tunggu kubur ini bertujuan membaca al-Quran dan berdoa sepanjang 7 hari bagi memohon keampunan pada si mati. Pahala bacaan al-Quran juga diniatkan untuk dihadiahkan kepada si mati. Secara tersiratnya, amalan menunggu kubur ini dipraktiskan sejak zaman dahulu dengan penuh kebijaksanaan dan hikmah. Ia bertujuan mengelakkan daripada kain kafan dicuri dan mengelakkan daripada anggota jenazah daripada dicuri dan digunakan untuk tujuan pemujaan ilmu hitam. Antara sihir yang terkenal dalam masyarakat Melayu menggunakan komponen jenazah ialah minyak dagu, minyak pengasih, penanggal, tuju-tuju dan sihir pemisah. Justeru, amalan menunggu kubur adalah sesuatu yang bermanfaat yang mengandungi unsur tersurat dan tersirat.

## **KEARIFAN TEMPATAN KATEGORI FASID DALAM KALANGAN MASYARAKAT MELAYU**

Di sebalik kearifan tempatan dalam kategori sahih, terdapat juga kategori yang fasid akibat wujudnya elemen yang bertentangan dengan panduan Syarak dan tujuan asal suatu uruf itu diamalkan dalam masyarakat. Tujuan awalnya yang positif telah bertukar menjadi negatif akibat perubahan zaman dan berlakunya salah tafsir terhadap uruf yang diamalkan. Umpamanya dalam adat kematian adalah ziarah kubur dengan tujuan yang menyimpang, solat jenazah dengan imbalan material dan seumpamanya.

### **1. Amalan Ziarah Kubur Untuk Memperolehi Keberkatan.**

Amalan ziarah kubur pada asalnya bertujuan secara tersurat untuk mengingatkan seseorang pada kematian. Secara tersiratnya ialah sebagai simbol penghargaan dan ingatan bagi seseorang yang berjasa dalam kehidupan seperti ibu dan ayah. Ia juga adalah sebagai wadah doa seorang anak buat kedua ibu bapanya sebagai insan yang berjasa dalam hidup. Penyimpangan daripada tujuan tersurat dan tersirat berlaku apabila wujud

kepercayaan dalam masyarakat ziarah kubur para wali akan membawa keberkatan dalam hidup sesebuah keluarga. Di Indonesia umpamanya, terdapat upacara menziarahi makan Wali Songo dengan harapan untuk memohon kepada Allah SWT dengan bertawassul pada amal soleh yang dilakukan oleh para wali Allah SWT (Batanji, 2013: 86). Lebih tersimpang adalah tindakan sebahagian masyarakat memuja kubur para wali bagi mendapatkan kelebihan luar biasa, hasil daripada ritual pemujaan yang dilakukan (Benny Baskara, 2016: 157).

## **2. Amalan Solat Jenazah Yang Berdasarkan Upah.**

Dalam masyarakat Melayu, terdapat amalan menjemput masyarakat seramai mungkin ketika solat jenazah dilakukan. Ia pada hakikatnya mengambil hikmah tersurat dalam sebuah hadis yang menyatakan jika jenazah seseorang disolatkan oleh jamaah lebih daripada empat puluh orang, jenazah tersebut akan mendapat kebaikan daripadanya (Ibrahim Muhammad, 2003: 82; Hamad Nasir, 2003: 155). Secara tersiratnya, adalah sebuah penghormatan terakhir terhadap jenazah, dan ia adalah proses memohon ampun secara beramai-ramai terhadap jenazah tersebut. Selain daripada itu, ia juga digunakan sebagai ruang untuk bertanya kepada masyarakat lingkungan terhadap hutang jenazah dan proses penyelesaian hutang-hutangnya. Pengakhiran kepada proses ini ialah amalan sedekah keluarga terhadap jemaah yang menuaikan solat jenazah dengan harapan pahala sedekah itu sampai pada si mati. Dalam perlaksanaan proses ini, berlaku beberapa penyimpangan terhadap amalan yang berbentuk kearifan tempatan seperti; pertama, wang tinggalan si mati digunakan dalam proses sedekah tersebut sedangkan ia adalah termasuk dalam kategori harta pusaka yang ditinggalkan. Dalam amalan masyarakat terdahulu, wang sedekah bukan diambil dari harta si mati, tetapi diambil daripada wang kepala mayat dan wang keluarganya. Kedua, sedekah ini menjadi perkara wajib kepada jemaah yang mendirikan solat jenazah dan ia membebankan keluarga si mati khususnya mereka yang tiada kemampuan kewangan. Jelasnya, ia bercanggah dengan falsafah awal yang diperkenalkan oleh cerdik pandai dahulu apabila aspek material menjadi keutamaan (Muhammad Sholikhin, 2010: 330). Justeru amalan ini termasuk dalam kategori fasid dan bertentangan dengan Syariah Islam.

## **KESIMPULAN**

Kearifan tempatan adalah sebahagian daripada asas pembentukan uruf dalam masyarakat. Ia menggambarkan kebijaksanaan dan kematangan dalam pemikiran yang dicapai kerana ia merupakan manifestasi daripada sesuatu yang tersirat di sebalik sesuatu yang tersurat. Di samping itu, kearifan tempatan juga terhasil daripada tahap keilmuan yang tinggi, pengalaman yang luas, dan kefahaman yang mendalam terhadap realiti setempat. Justeru, perlu

penaakulan yang teliti untuk memahami apa hikmah yang mendasari tiap kearifan yang wujud dalam masyarakat. Kegagalan untuk memahaminya dengan tepat akan mendorong kepada pelabelan negatif terhadap uruf sahih dalam masyarakat Islam. Dengan mudah suatu amalan dilabel sebagai bidaah dan khurafat. Tegasnya, kearifan tempatan yang sahih tidak boleh bertentangan dengan logik akal dan nas Syarak. Manakala amalan yang menyimpang daripada tujuan asal dan nas syarak adalah sesuatu yang dianggap sebagai fasid dan perlu ditinggalkan.

## RUJUKAN

### Buku

- Abu Zahrah, Muhammad (1958). *Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi.
- Al-Jurjani, Ali bin Muhammad (1405H). *al-Ta’rifat*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Anwar Syamsul (2007). *Hukum Perjanjian Syariah*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Azyumardi Azra (1999). *Esei-esei Intelektual Muslim Dan Islam*. Jakarta: Logos Wacana Ilmu.
- Batanji (2013). *Bila Kuburan Di Dewakan: Sebuah Tinjauan Syari Meluruskan Salah Kaprah Pengagungan Kuburan di Indonesia*. Solo: Pustaka Arafah.
- Benny Baskara (2016). *Islam Bajo: Agama Orang Laut*. Banten: Javanika.
- Clifford Geertz (1973). *The Interpretation of Culture*. New York: A Member of Persues Books Group.
- Hamad bin Nasir (2003) *Jawaban Atas Pengagung Kubur*. Jakarta: Pustaka Azam.
- Ibrahim Muhammad (2003). *Menolong Arwah Sesuai Sunnah*. Klaten: Wafa Press.
- Ismail Mat (1985). *Adat And Islam In Malaysia, A Study In Legal Conflict And Resolution*. Ann Arbor Michigan. University Microfilm.
- Kamus Dewan. (2005) (edisi keempat), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M. Natsir (1988). *Kebudayaan Islam Perspektif Sejarah*. Jakarta: PT Girimuktipasaka.
- Mattulada (1975). *Latoa Suatu Lukisan Analisis Terhadap Antropologi Politik Orang Bugis*. Jakarta: Universitas Indonesia.
- Md. Saleh Hj. Md.@ Hj. Ahmad (2000). "Uruf dan adat semasa sebagai asas penentuan hukum yang tidak dinaskan". dalam Paizah Ismail dan

- Rizwan Ahmad. *Fiqh Malaysia: Ke Arah Fiqh Tempatan Yang Terkini*. Selangor: al-Hikmah Sdn. Bhd.
- Mohammad Nidzam bin Abdul Kadir (2016). *Adat vs Ibadat: Jawapan Kepada Amalan Kontroversi*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Muhammad Fuad Abd al-Baqi' (1994). *Al-Mu'jam Mufahras Li Alfaz al-Quran Al-Karim*. Beirut: Dar al-Makrifah.
- Muhammad Imarah (1996). *Al-Islam wa al-Imarah*. Kaherah: al-Haykal al-Mashriyah al-Ammah li al-Kitab.
- Muhammad Sholikhin (2010). *Ritual dan Tradisi Islam Jawa: Ritual-ritual dan Tradisi-tradisi Tentang Kehamilan, Kelahiran, Pernikahan dan Kematian dalam Kehidupan Sehari-hari Masyarakat Islam Jawa*. Jakarta: Narasi.
- Rahmat Rosyadi dan Ahmad Rais (2016). *Formalisasi Syariat Islam dalam Perspektif Tata Hukum Indonesia*. Jakarta: Ghula Indonesia.
- Simuh (1996). *Sufisme Jawa*. Yogyakarta: Bentang Budaya.
- Syed Mohamad Naquib al-Attas (1969), *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesia Archipelago*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (1990), *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya : Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Wahbah al-Zuhaili (1998). *Usul Fiqh al-Islami*. Damsyik: Dar al-fikr.

## Jurnal

- Abd. Rahman Konoras (2016). "Eksistensi Hukum Islam Dan Hukum Hukum Adat Dalam Sistem Hukum Nasional". *Jurnal Ilmiah al-Syir'ah*, 14(2): 1-13.
- Guyanti, Harida Eris, Sunarti & Warto (2018). "Digging The Traces Of Islam In Baritan Tradition". *International Journal of Multicultural and Multireligious Understanding*, 5 (3): 52-59.
- Habib Sulton Asnawi & Prasetyawati Eka (2018). "Wawasan Islam Nusantara: Pribumisasi Nilai-Nilai Kearifan Lokal Di Indonesia". *Fikri Jurnal Kajian Agama, Sosial dan Budaya*, 3(1): 222-232.
- Hazizan Mat Desa & Aliaz Azhar (2016). "Uruf dan Kesannya Terhadap Hukum Islam Di Negeri Kedah". *Journal of Global Business and Sosial Entrepreneurship*, 1 (2): 21-32.
- Idris Zakaria (2012). "Islam dan Falsafahnya Dalam Kebudayaan Melayu". *Jurnal Hadhari*, Edisi Khas, 91-108.

- Ismail Suardi Wekke (2013). "Islam dan Adat: Tinjauan Akulturasi Budaya dan Amalannya dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia". *Jurnal Analisis*, 7 (1): 30-39.
- M. Zainal Abidin (2009). "Islam dan Tradisi Lokal Dalam Perspektif Multikulturalisme". *Jurnal Millah*, 8(1): 297-311.
- Marzuki (2017). "Tradisi dan Budaya Masyarakat Jawa Dari Perspektif Islam". *Jurnal Komunitas*, 3(3): 112-123.
- Mohd Anuar Ramli (2006). "Instrumen Uruf dan Adat Melayu Sebagai Asas Penetapan Hukum Semasa di Malaysia". *Jurnal Pengajian Melayu*, 17(1): 253-289.
- Mohd Anuar Ramli (2011). "Uruf Majmuk: Konsep dan Amalannya Dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia". *Jurnal Fiqh*, 3(1): 45-64.
- Muammar Gaddafi Hanafiah (2019). "Isu Membidaahkan Amalan Masyarakat Melayu: Analisis Wacana Media Massa". *Malaysian Journal of Communication*, 35(2): 68-86.
- Muhammad Ammar Harith Idris, Mohd Anuar Ramli & Mohammaddin Abdul Niri (2019). "Kearifan Tempatan Dalam Fiqh Makanan Di Alam Melayu", *Jurnal Fiqh*, 16(1): 57-82.
- Muhammad Khairul Hafiz Noor Hissham, Mohd Anuar Ramli & Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar (2019), "Unsur Kearifan Tempatan Dalam Seni Persembahan Melayu-Islam: Analisis Dari Perspektif Hukum Islam", *Jurnal Fiqh*, 16(2): 321-352.
- Roibin (2010). "Agama dan Budaya: Relasi Konfrontatif dan Kompromistik". *Jurnal Hukum Islam dan Syariah*, 1(1):1-12.
- Siti Fatimah Salleh, Siti Khadijah Ismail & Zurita Mohd Yusof (2017). "Analisis Unsur Perubahan Sosial dalam Konteks Uruf Menurut Perspektif Syarak". *Global Journal of Thaqafah*, 7(1): 100-118.
- Syamsul Azizul Marinsah & Mohd Anuar Ramli (2017). "Sinkretisme dalam Adat Masyarakat Bajau di Sabah", *International Journal of Islamic Thought*, 12(2), 83-93.
- Syamsul Azizul Marinsah, Mohd Nur Hidayat Hasbullah Hajimin & Mohd Anuar Ramli (2019). "Unsur Kearifan Tempatan dalam Adat Kematian Masyarakat Bajau di Sabah: Analisis Dari Perspektif Hukum Islam". *MANU: Jurnal Penataran Ilmu dan Bahasa*, 29: 51-68.
- Wage (2016). "Akidah dan Budaya: Upaya Melihat Korelasi Agama Atau Budaya Masyarakat". *Jurnal Fikri*, 1(2): 335-352.

Wan Norhasniah Wan Hussain (2011). "Budi-Islam its Role in the Construction of Malay Mentality in Malaysia". *International Journal of Humanities and Sosial Sceinces*, 1(12): 132-143.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*